



## POLISI HAK ASASI MANUSIA

Arus Sawit Sdn Bhd berkomited dalam menjaga, melindungi dan menyokong hak-hak asasi manusia demi kebajikan pekerja dan pihak yang berurusan dengan syarikat ini. Kami percaya bahawa maruah manusia adalah hak setiap individu tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit, status, bahasa, keturunan dan latar belakang. Polisi ini menetapkan prinsip-prinsip berikut yang wajib dipatuhi oleh semua pegawai, penyelia, pekerja serta pihak berkepentingan:

### Komitmen Hak Asasi Manusia

Menggalakkan budaya saling hormat-menghormati demi menjaga kesejahteraan bersama. Sebarang bentuk diskriminasi, penderaan, penyalahgunaan, gangguan, dan ugutan atas sebab peribadi adalah dilarang di ASSB.

1. Melarang pengambilan pekerja bawah umur iaitu di bawah 18 tahun.
2. Melarang sebarang bentuk kerja paksa. Semua pekerjaan mesti dijalankan secara sukarela oleh individu yang terbabit.
3. Menyediakan maklumat jelas kepada pekerja mengenai undang-undang buruh termasuk gaji minimum, kerja lebih masa, dan sebarang potongan gaji.
4. Menyediakan saluran aduan yang telus dan terbuka bagi sebarang isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Sekiranya terdapat aduan yang sah, siasatan dan tindakan tegas akan diambil terhadap pelaku.
5. Tiada tindakan balas terhadap mana-mana individu yang bertindak sebagai pembela hak asasi manusia atau whistleblower.

### Pematuhan Undang-undang dan Piawaian Antarabangsa

7. Memastikan semua syarat pekerjaan mematuhi undang-undang buruh yang sah serta Agenda Pekerjaan Layak ILO (ILO Decent Work Agenda).
8. Melarang sebarang bentuk buruh paksa dan buruh kanak-kanak.
9. Melarang diskriminasi dan gangguan dalam semua bentuk.
10. Sekiranya terdapat susunan pekerjaan secara tiga pihak (triangular employment arrangement), ia hendaklah dilaksanakan secara adil dan selaras dengan undang-undang.

### Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)

11. Polisi dan pelan keselamatan serta kesihatan pekerjaan (OSH) hendaklah disediakan, dikomunikasikan dan dilaksanakan. Ia merangkumi aspek-aspek berikut:
  - Pegawai yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.
  - Pengenalpastian Bahaya dan Penilaian Risiko (HIRARC) di tempat kerja.
  - Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dibangunkan berdasarkan HIRARC.
  - Program latihan keselamatan yang berkaitan dengan risiko pekerjaan.
  - Komunikasi dua hala antara pengurusan dan pekerja mengenai isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan termasuk aduan dan tindakan pembetulan.
  - Persediaan dan tindak balas kecemasan.
  - Sistem Pertolongan Cemas yang lengkap di tempat kerja.
12. Semua rekod keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah diselenggara dengan baik.

### Kebajikan dan Faedah Sosial

13. Faedah sosial seperti penginapan, penjagaan kesihatan, kemudahan asas dan keperluan kebajikan akan diberikan kepada pekerja dan keluarga mereka, sejajar dengan kemampuan dan peruntukan syarikat.



DR. LAWRENCE CHU  
Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.  
Dikemaskini Pada: 06.07.2025